

10 APR 1996
EAEC (Laporan Khas)
EAEC MASIH TERIMA CEMUHAN

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 April (Bernama) -- Malaysia telah menerima banyak cemuhan mengenai EAEC dan nampaknya trend ini masih berterusan. Di Jepun, kalangan politik yang pro-Amerika membuat perbandingan badan Perunding Ekonomi Asia Timur ini dengan "dokumanju" atau "gula-gula kacang merah yang mempunyai racun di dalamnya."

Wartawan-wartawan Australia di Washington pula dengan nada menghina menyebut akronim itu sebagai "EE-YACK."

Dua buku telah muncul di AS dan walaupun kandungannya tidak semuanya ditumpukan kepada gagasan cadangan Malaysia itu tetapi cukup untuk memanas hati penyokong-penyokong EAEC.

Wartawan Jepun Yoichi Funabashi, dalam bukunya yang bertajuk "Asia Pacific Fusion - Japan's Role in APEC," (Gabungan Asia Pasifik - Peranan Jepun Dalam APEC) melaporkan seorang diplomat Jepun sebagai berkata cadangan EAEC "muncul terlalu awal dan Jepun terperangkap dalam keadaan belum bersedia."

Pengarah Biro Kerjasama Ekonomi MITI Hidehiro Konno dikatakan memberitahu Funabashi dalam satu temuramah yang Jepun sebenarnya bermaksud "tidak mahu" apabila ia berkata kerajaan Jepun "sedang memikirkan hal ini (EAEC)."

Bekas Perdana Menteri Tomiichi Murayama, yang disifatkan sebagai "pro-EAEC," dikatakan melahirkan kekecewaannya dengan andaian yang dibuat terhadap Jepun sebagai menurut buntut Washington untuk mengambil hati rakyat Amerika. "Apa yang tidak kena dengan EAEC? tanya beliau apabila pemberi taklimat MITI menekankan pendirian mereka yang bernada waspada. Seorang di antara mereka menjawab yang Jepun pada kebiasaannya telah lama menganggap Amerika Syarikat dan Asia sebagai saling bertentangan. Lagi pula, kata pegawai MITI itu, "Indonesia pun sebenarnya menaruh waspada terhadap EAEC."

Pada September 1992, ketika Jepun semakin bimbang dengan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), Menteri MITI Kozo Watanabe masih berhati-hati untuk menerima EAEC, dengan memberi sebab ia mungkin memaksa NAFTA bertindak menjadi lebih bersifat kerantauan.

Perdana Menteri pada masa itu Kiichi Miyazawa menghujahkan pendapat yang sama kepada Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang Asia Timur perlu kekal terbuka kerana ini akan dapat menghalang dasar perlindungan perdagangan Kesatuan Eorpah.

Menteri MITI pada masa itu, Ryutaro Hashimoto (sekarang Perdana Menteri), yang juga berwaspada dengan EAEC, memberi amaran kepada AS yang Jepun mungkin akan beralih kepada EAEC sekiranya NAFTA menjadi blok perdagangan yang tertutup.

Funabashi menulis: "Perdana Menteri Mahathir telah membangkit sentimen keasiaan yang terpendam di dalam hati kebanyakan orang Asia, termasuk di Jepun...terdapat satu perkara dalam perasaan nasional Jepun yang terpanggil ke arah sentimen keasiaan. Terdapat juga kebimbangan yang sekiranya Jepun menolak cadangan EAEC sekarang ia akan mengalami kesusahan apabila AS keluar dari rantau ini dan China masuk berkuasa.

"Bagaimanapun cadangan EAEC Mahathir telah berjaya menimbulkan sentimen keasiaan Jepun yang sedang berputik: Para birokrat yang "pro-Asia" yang telah memperoleh jawatan-jawatan penting di kementerian luar dan kementerian kewangan selalunya lebih cenderung untuk menyokong EAEC. Ada juga kalangan politik yang menggalakkan penubuhan persekutuan EAEC dan

Menteri Kewangan Masayoshi Takemura dengan jelas telah memberi sokongan kepada Mahathir pada Januari 1995, dengan berjanji yang Jepun akan cuba memujuk Amerika Syarikat supaya menerima kewujudan EAEC."

Sementara itu, bekas duta AS ke Jepun, Michael H. Armacost, dalam bukunya bertajuk "Friends or Rivals? - The Insider's Account of US-Japan Relations" (Kawan atau Lawan? - Pendapat Orang Dalam Mengenai Hubungan AS-Jepun), berkata, "Washington melihat cadangan (EAEC) ini sebagai usaha untuk membuat persediaan untuk menggalakkan sentimen Pan Asia menentang Amerika Syarikat.

"Ketika membentangkan cadangan itu, kata-kata 'Mahatir' diselang-selikan dengan sindiran tajam kepada Amerika Syarikat, dan terdapat nada-nada yang berbau perkauman dalam pengecualiannya terhadap Australia dan New Zealand bersama dengan Kanada dan Amerika Syarikat," Armacost menulis, dengan ejaan nama Perdana Menteri "Mahatir" dan mengeja "prime minister" Malaysia dengan huruf kecil.

Seorang pengulas buku berkata kesilapan ejaan ini tidak boleh dimaafkan kerana ini mungkin mencerminkan Armacost yang tidak menghormati Perdana Menteri.

Armacost berkata dalam bukunya lagi yang cadangan EAEC "membuat orang Jepun serba salah."

"Sebagai negara dagangan dunia mereka benci untuk menggalakan blok dagangan rantauan. Hubungan ekonomi dengan Amerika Syarikat penting sekali dan berikutan dengan masalah politik yang timbul semasa perang Teluk, Jepun tidak mahu menimbulkan kemarahan AS dengan isu yang lain."

Walaupun dengan penentangan AS dan Australia dan sikap Jepun yang teragak-agak, EAEC telah mendapat sokongan Asean dan membuat kemajuan melalui mesyuarat menteri-menteri ekonomi Asia Timur di Bangkok baru-baru ini selepas sidang kemuncak ASEM.

Seorang penganalisis Asia berkata di bawah Hashimoto, Jepun "secara diam-diam mencari jalan untuk menerima EAEC."

Perdana Menteri Hashimoto belum lagi menyatakan pendiriannya terhadap EAEC, tetapi seperti juga mereka sebelumnya, beliau juga belum menyatakan "ya" atau "tidak" terhadap cadangan itu. -- BERNAMA

SAL WAT NMO